

**UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI
MENGENAI ANGGARAN PERBELANJAAN
KEMENTERIAN PERTAHANAN DI DEWAN
RAKYAT PADA 12HB DAN 13HB DISEMBER
1960**

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin, mengikut aturan yang telah diperbuat pada masa yang lalu supaya dapat saya membentangkan semua sekali kepala-kepala dalam Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian Pertahanan ini iaitu kepala 16 dan 17. Bagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengetahui bahawa kepala Anggaran Perbelanjaan sekarang ini meliputi hanyalah perkara pertahanan sahaja yang bersabit dengan Anggota Tentera.

Adapun Keselamatan Dalam Negeri dan Pasukan Polis Diraja Persekutuan sekarang ini sudah dimasukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.¹ Di sini saya suka mengambil kesempatan untuk melafazkan perasaan besar hati saya terhadap Pasukan Polis Diraja yang telah berkhidmat dalam Kementerian saya dahulu semenjak merdeka dan selama 3 tahun yang lepas sebelum tamatnya darurat. Mereka telah berkhidmat dengan cemerlangnya dalam tempoh itu dan saya yakin mereka itu akan terus berkhidmat dengan taat setianya kepada negara kita ini dalam Kementerian yang baru di bawah pimpinan rakan saya Yang Berhormat Menteri Keselamatan Dalam Negeri.²

Tuan Yang di-Pertua, tahun 1961 adalah tahun yang bersejarah dalam tawarikh Angkatan Tentera. Setelah tamatnya darurat maka tamatlah perjuangan Anggota Tentera yang telah berjuang lebih daripada 12 tahun lamanya itu. Sesungguhnya kepada mereka itu Negara kita ini sangat terhutang budi di atas perkhidmatan mereka yang sangat berani dan perkasa dalam segenap masa kecemasan Negara kita ini. Maka sekarang inipun ada empat battalion lagi yang masih bertenaga untuk keselamatan kawasan sempadan negeri kita di sebelah utara untuk mempertahankan pergerakan Communist dalam kawasan itu.

1 Ditubuhkan pada 16hb November, 1960

2 Datuk Dr Ismail bin Datuk Abdul Rahman

Kebanyakan Tentera Darat kita sekarang ini dapatlah menggunakan masa dan tenaga mereka dalam **usaha-usaha** pekerjaan-pekerjaan yang dikatakan pekerjaan-pekerjaan masa yang aman dan juga dapat meninggikan mutu latihan dan pentadbirannya. Di dalam tahun ini juga setelah kita menyaksikan bagaimana Angkatan Tentera kita yang telah menjalankan tugas mereka dalam serba-serbi di dalam kawat **tatatertib** dan sikap yang telah menarik perhatian sesiapa juga yang **melihatnya**—terutama sekali dalam masa kemangkatan Almarhum Kedua-dua **Duli-duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda**³ yang sangat menyedihkan kita semua itu.

Inilah kali yang **pertamanya** satu pasukan dari askar kita telah dihantar ke Congo, maka kita berasa megah yang Pasukan Khas ini ada menjalankan tugasnya dengan seelok-elok adab dan **tertib** sehingga mereka telah mendapat kepujian bukan sahaja daripada Pentadbiran Bangsa-bangsa Bersatu dan juga Pasukan-pasukan. Bangsa-bangsa Bersatu yang berkhidmat **dengannya**, bahkan daripada rakyat Congo juga. Kita juga berasa bangga baru-baru ini membaca dalam akhbar bahawa Ketua Agong Pasukan Bangsa-bangsa Bersatu telah **memberi** kepujian yang tinggi kepada mereka itu. Kewajipan mereka di Congo ialah menolong negeri Congo yang dalam kemalangan itu supaya dapat aman semula dengan seberapa segeranya.

Dalam tahun ini juga Tentera Laut Diraja Persekutuan telah menerima bantuan yang akhir sekali daripada **Kerajaan British** yang berupa sebuah **kapal** jenis "Coastal Inshore Minesweeper" yang beratnya 350 ton. Selain daripada menjalankan tugasnya di lautan negeri ini seperti biasa, kapal-kapal Tentera Laut Diraja kita telahpun dapat menunjukkan bendera Persekutuan di **tempat-tempat** lain negeri: di Bangkok, Manila, Rangoon dan tempat-tempat yang dilatih itu.

Bagi pihak Angkatan Udara di-Raja tahun ini adalah satu tahun yang **bersejarah**. Mereka telah mengambil kuasa Pengkalan Tentera Udara Diraja di Kuala Lumpur (RAF Station) daripada

-
- 3 (i) Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad **mangkat** pada 1hb April, 1960
(ii) Tuanku **Hishamuddin Alam Shah Al-Haj** ibni al-marhum Sultan Alaidin Sulaiman Shah **mangkat** pada 1hb September, 1960

Tentera Udara British dan semenjak bulan April tahun ini Tentera Udara kita telah mengambil bahagiannya di dalam tindakan di kawasan sempadan dengan bertanggungjawab penuh atas menyampaikan perbekalan udara di mana-mana tempat kawasan-kawasan sempadan ataupun jungle forts.

Anggota Tentera Tempatan atau Territorial Army pun telah bertambah-bertambah besar dalam tahun ini dan latihan-latihan besar dalam tahun ini dan latihan-latihan mereka pun telah dikembangkan. Enam Battalion telah dibesarkan (full strength). Enambelas Battalion lagi telah ditambah dan Enambelas Battalion ini akan dipenuhi bilangannya dalam tahun 1961. Lapan Battalion lagi harus akan ditubuhkan pada tahun hadapan supaya Tentera Tempatan berjumlah akhirnya Tigapuluh Battalion dengan mengandungi 350 ahli-ahli tiap-tiap battalion. Di dalam tahun 1961 tidak dicadangkan mengubah Pasukan-pasukan Sukarela baikpun di dalam Tentera Laut Diraja Persekutuan ataupun Pasukan Latihan Udara (Air Training Corps).

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu suka mendengar Ahli-ahli Sukarela ini nampaknya sangat gemar bersungguh-sungguh kepada Pasukan Sukarela ini dan saya percaya iaitu Angkatan Tentera Tempatan dan Pasukan-pasukan Sukarela yang lain termasuk Pasukan Latihan Udara (Air Training Corps) akan mengambil bahagian yang besar pada suatu masa yang akan datang untuk menggalakkan semangat perjuangan sukarela dan tatatertib bagi pemuda-pemuda kita seluruh negeri ini.

Dalam tahun ini juga, Majlis Mesyuarat Angkatan Tentera telah berusaha bersungguh-sungguh untuk memperelokkan syarat-syarat dan keadaan perkhidmatan bagi segala peringkat Angkatan Tentera dan untuk mengaturkan harapan perjawatan (reasonable career prospects) bagi semua pegawai-pegawai tentera. Perkhidmatan askar lain-lain peringkat telahpun dilanjutkan tempuhnya daripada tujuh tahun hingga sepuluh tahun. Bagi pegawai-pegawai yang kanan yang tiada bertauliah (Senior NCO's) mereka dapat melanjutkan lagi perkhidmatan mereka itu jika berkehendakkan. Untuk askar-askar yang terpaksa berhenti berkhidmat selepas sepuluh tahun, mereka akan diberi pertolongan supaya mengambil bahagian dalam pekerjaan awam. Maka inilah maksud saya yang sebenarnya supaya kebanyakan daripada mereka yang diberhentikan daripada perkhidmatan itu akan dapat mengambil bahagian

dalam Rancangan Kemajuan Tanah Kerajaan. Di dalam Rancangan Kemajuan Tanah ialah sebanyak 15% telah dikhaskan daripada Rancangan Negeri dan 20% daripada Rancangan Federal diuntukkan bagi faedah askar-askar yang lepas berkhidmat.

Di dalam sedikit masa lagi saya akan dapat mengistiharkan bayaran sara (pension rates) yang baru untuk perkhidmatan di dalam Angkatan Bersenjata. Sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat sudah maklum adalah gaji dan sara hidup Perkhidmatan Awam dan Angkatan Bersenjata telah dinaikkan di dalam masa sepuluh tahun yang lepas. Adalah bayaran sara (pension rates) bagi Angkatan Bersenjata, sebaliknya tiada berubah semenjak tahun 1952. Maka perkara ini dicadangkan akan diperbaiki mulai daripada 1 haribulan Januari 1960, dan pada amnya pegawai-pegawai akan dinaikkan sara mereka di antara 12 1/2 dan 20 peratus dan bagi askar lain (pangkat) lebih kurang 40%.

Maka berbagai-bagai soalan telah diadakan di dalam Dewan ini dan juga banyak perbahathan di atas perkara Malayanisation di dalam Angkatan Bersenjata, oleh yang demikian saya fikir tak payahlah saya berpanjang lebar di atas perkara ini memadamkan saya berkata iaitu dasar Kerajaan di atas Malayanisation sedang berjalan mengikut rancangan yang tertentu dan pada 1 haribulan Januari tahun 1961 bilangan pegawai-pegawai Warganegara Tanah Melayu ialah berjumlah 490 orang dan pegawai-pegawai dagang (seconded officers) sebanyak 210 orang pada hal pada 1 haribulan Januari 1960, bilangan Pegawai-pegawai Warganegara Tanah Melayu ialah 427 orang dan pegawai-pegawai dagang 252 orang. Kemajuan Malayanisation yang laju ini akan dicepatkan lagi dengan cara menambah pelatih-pelatih di Cadet Wing, Federation Military College di dalam tahun 1961.

Tuan Yang diPertua, sebelum saya menyentuh perkara belanjawan satu persatu saya suka menyatakan adalah kekuatan Tentera Darat yang akan disediakan ialah lebih kurang sebagai sekarang; dan Tentera Laut Diraja ditambah sedikit dan Tentera Udara Diraja diperbesarkan supaya perkhidmatan kedua-dua tentera ini boleh bersaibangan dengan bilangan di dalam Tentera Darat.

Berkenaan dengan Kepala 16, belanjawan ini mengandungi belanja-belanja Bahagian Angkatan Bersenjata Kementerian Per-

tahanan yang dahulu dan termasuk **belanja Pertahanan Awam** (Civil Defence) yang mana **ahli-ahli** sukarelanya telah bersungguh-sungguh menjalankan kewajipan dan latihan mereka dengan giatnya di dalam tahun ini.

Tiada apa-apa perubahan-perubahan yang besar di dalam perbelanjaan di dalam Kepala 16 ini, **melainkan** peruntukan bagi Menteri Pertahanan telah dimasukkan di bawah perbelanjaan untuk Pejabat Perdana Menteri. Jawatan Setiausaha Pertahanan yang berpangkat Superscale A dan Jawatan Timbalan Setiausaha Pertahanan yang berpangkat Superscale D itu telah **dimansuhkan** dan digantikan dengan Jawatan Setiausaha Pertahanan yang berpangkat Superscale C mengikut kebesaran Kementerian ini sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat akan memerhatikan di bawah perkara perbelanjaan khas (Special Expenditure) ada perbelanjaan sebanyak \$100,000 diuntukkan bagi pingat-pingat (medals); wang ini **ialah** untuk membayar perbelanjaan **menempa** dan membuat Federation Gallantry Award, Long Service and Good Conduct Medals dan bagi Federation General Service yang dicadang dikurniakan bagi **perkhidmatan** di dalam masa darurat semenjak hari kemerdekaan 1957, hingga tamatnya darurat pada 31hb July, 1960. Maka kelayakan untuk mendapat pingat yang tersebut itu akan diistiharkan.

Pada fikiran saya mustahak juga saya beri tahu Dewan ini iaitu perbelanjaan membuat dan mengeluarkan pingat-pingat itu akan memakan belanja menyampai \$1 juta dalam masa 2 atau 3 tahun. Akan tetapi saya percaya tidak ada siapa pun bersungut atas perbelanjaan ini disebabkan pemberian ini sungguhpun **kecil** tetapi **mulia** kepada **mereka** yang telah **berkhidmat** kerana tanahair kita itu.

Anggaran Perbelanjaan pada masa yang sudah diadakan di bawah berbagai-bagai kepala. Pada kali ini telahpun dicantumkan di bawah satu sahaja kepala 17, untuk kemudahan pentadbiran dan kewangan. Mengikut dasar sebagaimana saya **sebutkan** tadi perbelanjaan untuk Tentera Darat bagi tahun 1961, lebih kurang **sama** dengan peruntukan tahun 1960. Perbelanjaan untuk Tentera Laut Diraja akan **bertambah** sebanyak \$300,000 dan untuk Tentera Udara Diraja dengan \$2 juta. Perbelanjaan ini ialah kerana **membesarkan** perkhidmatan itu **dan** bagi perbelanjaan perbekalan Tentera Udara Diraja di Kuala Lumpur. Adalah tam-

bahan perbelanjaan sebanyak \$3 juta untuk Tentera Tempatan itu ialah supaya tentera itu dapat dibesarkan sebagaimana saya telah terangkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat akan dapat memperhatikan juga iaitu perbelanjaan untuk latihan telah ditambah sebanyak \$500,000 iaitu daripada \$1½ juta hingga \$2 juta. Maka ini adalah menunjukkan iaitu Kerajaan bertujuan hendak memberi latihan yang lebih baik sekali, dan daripada latihan-latihan itu maka latihan Tentera Udara Dirajalah yang banyak memakan belanja. Maka di sini saya terpaksa mengatakan bahawa perbelanjaan itu akan bertambah-tambah lagi jika sekiranya Kerajaan United Kingdom tidak memberi pertolongan percuma dalam beberapa bilangan latihan-latihan Tentera Darat kita ini. Tuan Yang diPertua, inilah keterangan-keterangan saya dan jikalau sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat berkehendakkan penjelasan lagi saya sukacita memberi penerangan.

Mr Speaker, Sir, as I said, if there are any other details into which Honourable members wish to enquire I will only be too happy to inform them.

Before, however, I sit down, Sir, I would like to refer to the prophecy which I made at the end of my speech last year, when I drew the attention of the House to the fact that the total expenditure of my Ministry, which then included the Emergency and the Police Force, in 1960 would be approximately \$180 millions and that the Minister of Education was creeping up on me and was only just under \$6 millions behind. I informed the House then that my Honourable friend and colleague would overtake me during the course of the year and move into first place. This has now happened, and Honourable Members will be able to see that the combined estimates on Defence and Internal Security now total just under \$177 millions while the Ministry of Education totals nearly \$189½ millions. The fact that we are able to stand these increases in our social services has been largely due to the determined effort on the part of the Alliance Government in ending the Emergency and also in keeping our Defence expenditure at a reasonable level. This, in turn, has been made possible by the fact that we have a Defence Agreement with the United Kingdom Government.

It must, Sir, be a matter of envy and some astonishment to many other countries that the Federation, which has just been

through a twelve-year Emergency and which has contributed a sizeable unit to the United Nations Force in the Congo, can successfully restrict its Defence Expenditure to a figure which is less than ten per cent of the total budget.

Sir, I see there is also a report in the *Straits Times* of today, purporting to have come from some United Nations sources, alleging that Malaya had asked for the withdrawal of its contingent from the Congo. I should like to say Sir, that there is no truth whatsoever in that statement.

As the Prime Minister has stated in this House when moving the motion for the support of Members to sending our troops to the Congo, our policy is to work for peace under the Charter of the United Nations and it is for that purpose that we have sent our troops to the Congo—to assist in restoring peace and order in that troubled land.

Our troops will remain there so long as they are required to achieve that purpose and as long as the United Nations require them there. We in this country work to certain policies and certain principles, and we don't have the habit of changing our policy or principle just because of some criticism from some quarters or pressure from outside.

That, Sir, is our position.

Sir, I beg to move that Heads 16 and 17 stand part of the Schedule,